pembinaan rumah mampu milik di Lengkok Lembah Permai, Tanjung Bungah yang mengorbankan 11 pekerja kira-kira dua tahun lalu.

Tiga pihak lagi ialah jurutera perunding, Khoo Koon Tai dari syarikat perunding projek itu, Perunding KAA Sdn Bhd; jurutera perunding, Victor Ong dari syarikat perunding One Smart Engineering Sdn Bhd dan kontraktor, Choongcons (Penang) Sdn Bhd.

Sementara itu, Rajendran berkata, dua jurutera yang dinamakan dalam laporan berkenaan iaitu Koon Tai dan Victor Ong ditukar selepas insiden pada 21 Oktober 2017 itu.

"Saya boleh sahkan kedua-duanya ditukar dan tidak menyambung tugas sebagai jurutera perunding untuk projek berkenaan," katanya.

Sementara itu, tinjauan ke tapak binaan rumah mampu milik 50 setinggi tingkat itu mendapati kerja pembinaan sudah disambung semula dengan kira-kira 30 peratus siap.

Dalam pada itu, Pengarah JKKP Pulau Pinang, Jaafar Leman, ketika dihubungi berkata beliau tidak dapat memberi kenyataan berhubung laporan itu dan menyerahkannya kepada Ibu Pejabat JKKP di Putrajaya.

"Saya tidak dapat komen kerana saya sendiri juga belum membaca laporan itu. Kenyataan mungkin akan dibuat oleh Ibu Pejabat," katanya.

Dalam kejadian jam 8.57 pagi pada 21 Oktober 2017, seramai 11 pekerja pembinaan maut dalam tragedi runtuhan tanah.

Mereka ialah lima warga Bangladesh iaitu Abdullah Al Mamum, Alam Md Nur, Hossen Mia, Mohammad Monirul Islam dan Rahaman Abdur; dua warga Indonesia iaitu Erwin dan Hosrin; dua warga Myanmar iaitu Rahmatullah Mohd Sidiq dan Yunus Nazir Huson serta masing-masing seorang warga Pakistan dan Malaysia, iaitu Ali Raza Muhammad Jamil dan Yuan Kuok Wern.